



**UCAPAN ALU-ALUAN
YBHG. TAN SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

**SEMPENA
ISTIADAT PENGANUGERAHAN
DIPLOMA PASCASISWAZAH PENGURUSAN
AWAM (DPA) DAN FELO INTAN 2017**

**MALAYSIA AGRO EXPOSITION PARK
SERDANG (MAEPS)
19 OKTOBER 2017 (KHAMIS)**

Bismillahir rahmanir rahim,

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam
Negaraku Malaysia.

Saudara dan Saudari Pengacara
Majlis;

Yang Berbahagia

Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa

Ketua Setiausaha Negara;

Yang Amat Berbahagia
Tun Abdullah bin Haji Ahmad
Badawi
Mantan Perdana Menteri Malaysia
dan Penerima Anugerah Felo
INTAN 2017 dan Yang Amat
Berbahagia Tun Jeanne Abdullah
(akan disahkan kehadiran nanti);

Yang Berbahagia Ketua-ketua
Setiausaha, Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Negeri dan
Ketua-ketua Jabatan,

Yang Berbahagia

Dato' Mohtar Mohd Abd Rahman

Timbalan Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam

(Pembangunan);

Yang Berbahagia

Dato' Nor Inchun Mohamed Salleh

Timbalan Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam (Operasi);

Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed

Omar Sharifuddin Syed Ikhsan

Timbalan Pengarah Kanan INTAN

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri,
Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk,
Datin-Datin, dif-dif kehormat;

Para Graduan Diploma
Pascasiswazah Pengurusan
Awam (DPA) INTAN dan ahli-ahli
keluarga, serta

Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian.

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat hadir dalam satu majlis yang gemilang pada pagi ini, iaitu majlis Istiadat Penganugerahan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) dan Felo INTAN tahun 2017.

2. Sesungguhnya, majlis ini sangat signifikan kerana seramai

377 orang graduan DPA yang telah berjaya menyempurnakan program akan menerima Diploma Pentadbiran Awam. Untuk makluman YBhg. Tan Sri Dr. KSN bahawasanya sejak 1977, program direkayasa dengan lonjakan inisiatif baharu serta ditingkatkan kualiti menjadi Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam. Program ini mendapat **akreditasi** penuh daripada **Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)** pada awal tahun

2016. Graduan pada hari ini adalah **merupakan kumpulan graduan kedua** menerima **diploma pascasiswazah dengan pengiktirafan MQA** sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41.

3. Justeru, sekalung tahniah diucapkan kepada semua graduan **Kumpulan KENCHANA** yang telah berjaya menyempurnakan 10 bulan aktiviti akademik dan kepimpinan di INTAN. Setelah

bertungkus-lumus mengharungi liku dan cabaran berkursus, maka penganugerahan ini adalah satu testimoni kepada kejayaan.

4. Bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara** kerana dapat meluangkan masa untuk menganugerahkan

diploma kepada para graduan DPA.

5. Seperti yang semua telah maklum, **YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa** telah dilantik sebagai **Anggota Jawatankuasa Pakar Pentadbiran Awam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN CEPA)** bagi penggal 2018-2021. YBhg. Tan Sri adalah **rakyat Malaysia pertama** dilantik badan dunia itu sebagai anggota UN CEPA sejak ia ditubuhkan.

6. YBhg. Tan Sri juga telah menerima **Honorary Degree of Doctor of Science** semasa **Majlis Konvokesyen ke 7 B.S. Abdur Rahman Crescent University** di **Chennai, India** pada **7 Oktober 2017**.

7. Majlis ini akan turut menyaksikan **penganugerahan Felo INTAN 2017 Yang Ke: 28** kepada seorang *prominent figure* yang banyak berjasa kepada perkhidmatan awam dan negara. Penerima anugerah ini akan

diumumkan oleh YBhg Tan Sri Dr. KSN (Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada negarawan ulung yang dikasihi, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, atas penganugerahan Felo INTAN yang ke-28).

PEGAWAI MUDA PEMACU AGENDA KEMAJUAN NEGARA

Para graduan yang dihormati
sekalian,

8. Tahun 2017 iaitu **Tahun Penyampaian** merupakan tahun kedua pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11. Saudara-saudari penjawat awam muda yang merupakan ejen transformasi paling hadapan antara rakyat dan kerajaan dalam memacu agenda pembangunan negara dengan jayanya.

9. Sebagai pegawai PTD muda potensi diri dan komitmen saudara-saudari perlu

diperkukuhkan supaya boleh diteruskan tradisi kecemerlangan perkhidmatan awam. Amanah dan tanggungjawab perlu dikendong dengan baik. Bentuklah reputasi dan kepimpinan yang ulung, serta kecerdikan dalam menelusuri dasar bahkan bersikap waja mendakap mantra pembangunan negara

10. Maka, amalan kesepaduan seperti **Aur Dengan Tebing bersama Kerajaan Yang**

Memerintah adalah menjadi wadah utama yang patut dipertahankan. Kepekaan kepada fakta yang benar, pencapaian yang terbukti hendaklah dijadikan asas kepada pembentukan minda yang positif. Jangan sesekali mudah mendengar dan menerima apa jua dakyah atau omongan tidak berasas oleh pihak tertentu.

HARAPAN TERHADAP PEMIMPIN MASA HADAPAN

11. Harapan yang menggunung oleh Kerajaan terhadap perkhidmatan awam digambarkan oleh YAB Perdana Menteri semasa dalam ucapannya semasa MAPPA Ke:15 menyatakan bahawa “....pengukuhan dan pemerkasaan perkhidmatan awam harus tertumpu dengan menjadikan perkhidmatan awam lebih berfokus kepada rakyat, inklusif dengan penyertaan komuniti dan berbudaya kerja serta perkhidmatan *‘par*

excellence', selain mempunyai nilai murni yang membawa kepada keutuhan organisasi”.

12. Dalam konteks yang sama, suka saya menegaskan bahawa YBhg Tan Sri Dr. KSN sendiri telah memperkenalkan konsep **merakyatkan perkhidmatan awam** yang beliau menekankan bahawa keadah penyampaian itu bukan sahaja dari aspek fizikal tetapi meliputi cara dan nilai penyampaian kepada rakyat.

Maka itu elemen sentuhan kemanusiaan (the humane) dengan amalan ***search and rescue*** boleh menyakinkan bahawa Kerajaan mengutamakan kemaslahatan rakyat.

SEKALUNG PENGHARGAAN

13. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada INTAN yang telah merancang, membentuk dan menyediakan modul latihan yang

komprehensif bagi mempersiapkan pegawai PTD muda dengan kebolehan intelektual dan kompetensi yang tinggi.

14. Akhir kalam, saya rakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara yang sudi hadir menganugerahkan Diploma kepada graduan. Tahniah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad

Badawi, atas penganugerahan sebagai Felo INTAN 2017. Semoga pengiktirafan Yang Amat Berbahagia Tun sebagai Felo INTAN ini akan menjadi sumber inspirasi kepada para pegawai muda kita untuk meneruskan tradisi kecemerlangan perkhidmatan awam, dalam merealisasikan aspirasi negara.

Sekian,

WabillahiTaufikWalhidayah
Wassalaamualaikum
Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Terima kasih.